

Pelajar UiTM cipta jam pintar kesan budak hilang

Oleh Norakmah Mat Youb

GEORGETOWN: Kehilangan Sharlinie Mohd Nashar, 5, yang dipercayai diculik awal tahun ini menjadi inspirasi sekumpulan pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) untuk menghasilkan jam pintar.

Produk yang menggunakan jam tangan digital dan dilengkapi cip pengenalan frekuensi radio (RFID), berfungsi menyedarkan ibu bapa dengan mengeluarkan bunyi jika anak mereka dilarikan atau terpisah dari jarak tertentu.

Ciptaan pelajar tahun akhir juru-

B-H 2/05/08 MKT2
san Pengkomputeran Perniagaan UiTM, dipamerkan pada Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi Kebangsaan (NRIC) di Universiti Sains Malaysia (USM), yang bermula semalam.

Ketua Projek, Nur Azry Zainudin, berkata ibu bapa yang menggunakan produk itu perlu menampal pelekat RFID pada baju atau kasut anak mereka dan menetapkan jarak dikehendaki.

Jika anak mereka berada melebihi jarak yang ditetapkan, isyarat akan dihantar kepada jam itu untuk memaklumkan bahawa anak mereka sudah berada jauh, sekali gus menyedarkan ibu bapa.

"Jadi, ibu bapa tidak perlu bimbang jika mereka terleka seperti ketika membeli-belah," katanya kepada pemberita selepas perasmian NRIC di USM di sini, semalam.

Pertandingan tiga hari itu, memamerkan kira-kira 145 hasil penyelidikan pelajar ijazah pertama daripada 19 institusi pengajian tinggi awam dan swasta seluruh negara.

Pertandingan itu juga membuka peluang kepada pelajar menghasilkan lebih banyak penyelidikan ke arah penghasilan produk berkualiti dan bertaraf antarabangsa untuk tujuan pengkomersialan.



HASIL KREATIF: Nur Azry (kanan) bersama Mohd Shafizal menunjukkan jam pintar ciptaan mereka pada pertandingan NRIC di USM Pulau Pinang, semalam.

Jam pintar itu dihasilkan Nur Azry bersama empat rakannya, Mohd Shafizal Zainal Abidin, Syed Mohd Faizal Syed Kuning, Mohamad Redzmi Mohamad Radzuan dan Izzaldin Misri dengan kos RM102.

Nur Azry berkata, buat masa ini

jam pintar itu hanya boleh diletakkan pada lima barang, seperti dompet, baju, kasut dan dilengkapi kod nombor tertentu untuk jarak berbeza sehingga 15 meter.

"Contohnya, nombor satu untuk dompet dengan jarak 10 sentimeter.

Sekiranya dompet terjatuh, secara automatik jam berbunyi dan tertera nombor satu. Terpulang kepada pengguna untuk menentukan kod nombornya," katanya yang bersedia untuk mengkomersialkan produk itu.

FAKTA NOMBOR

Jam pintar

RM120

Kos pembangunan

15 meter

Jarak dapat dikesan